

21.8.2021_Berita Harian_MOSTI_Malaysia akan mula suntik vaksin satu dos CanSino

BH Sabtu, 21 Ogos 2021

Nasional

Penularan COVID-19

Malaysia akan mula suntik vaksin satu dos CanSino

Penghantaran berperingkat, memudahkan pemberian di kawasan rendah akses

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzi@bh.com.my

Putrajaya: Malaysia akan memulakan pemberian vaksin satu dos apabila menerima sejumlah 200,000 dos vaksin CanSino daripada pembekal CanSino Biologics, China, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata vaksin itu datang dalam bentuk produk siap.

"Sebanyak 3.5 juta dos vaksin CanSino sudah diterima dengan penghantaran berperingkat. Ini juga adalah vaksin COVID-19 satu dos yang pertama di Malaysia," katanya.

Sekarang ini, profil vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dimulakan Februari lalu membolehkan vaksin keluaran Pfizer-BioNTech (Cominarty), Sinovac (CoronaVac) dan AstraZeneca, manakala satu lagi vaksin iaitu Johnson & Johnson juga sudah mendapat kelulusan bersyarat.

Sementara itu, pesawat yang membawa vaksin CanSino itu mendarat di Lapangan Terbang



Siti Hamisah bersama Mohd Shafiq menyambut ketibaan vaksin CanSino di KLIA, semalam. (Foto BERNAMA)

Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 7.50 pagi dengan penerbangan MAS Kargo dari Beijing, China.

Berada di KLIA ialah Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir; Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Mohd Shafiq Abdullah dan Timbalan

Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) MOSTI, Dr Mohd Nor Azman Hassan.

MOSTI dalam satu kenyataan, berkata Solution Biologics adalah Pemegang Pendaftaran Produk bagi CanSino di Malaysia dan vaksin itu mendapat kelulusan penggunaan bersyarat untuk kegunaan kecemasan di negara ini oleh Pihak Berkuasa Bekalan

Dadah (PKBD) pada 15 Jun lalu.

Dengan ketibaan vaksin berkenaan, ia bakal memudahkan pemberiannya terutama di kawasan yang rendah akses dan seterusnya membantu Malaysia mencapai sasaran imuniti kelompok seperti yang disasarkan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut garis masa yang ditetapkan.